

Hebahan: Kursus Administration in Human Resources Development through Technical and Vocational Education and Training (J17-04065)

Unit Komunikasi Korporat

Sent: Saturday, 8 July, 2017 7:03:59 AM

To: KPM

Attachments: Brosur.pdf (486 KB) ; Edaran.pdf (2 MB) ; Borang JPA- 1B96 Pin. 2010.xls (75 KB) ; GTC Application Form.doc (246 KB) ; Borang Perakuan Ketua Jaba~1.pdf (175 KB) ; Borang_LDP_1A96.doc (37 KB)

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KURSUS ADMINISTRATION IN HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT THROUGH TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING PADA 12 NOVEMBER 2017 HINGGA 9 DISEMBER 2017 DI JEPUN ANJURAN JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima pelawaan daripada **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** untuk mencalonkan **dua (2)** orang pegawai bagi mengikuti **Kursus Administration In Human Resources Development through Technical and Vocational Education and Training pada 12 November 2017 hingga 9 Disember 2017 di Jepun anjuran Japan International Cooperation Agency (JICA).**

3. Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 ke atas (umur 35 – 55 tahun) yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan kursus tersebut dengan lengkap tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing serta memenuhi **syarat/dasar** permohonan yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan syarat-syarat JPA. **Semua data yang dikemukakan** oleh pemohon perlu disemak dan dipastikan tepat oleh Ketua Jabatan. Para pemohon perlu diingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika maklumat yang tidak tepat dikemukakan kepada Ketua Jabatan/BPSM dan boleh diambil tindakan mengikut peruntukan peraturan/undang-undang sedia ada.

4. Bersama-sama ini disertakan salinan surat pelawaan JPA(I)175/12/36 Klt. 46 bertarikh 4 Julai 2017, set dokumen permohonan dan maklumat tawaran kursus. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Borang JPA(L)LDP 1A/96 (Disediakan oleh BPSM, KPM);
- ii. Borang JPA(L)LDP 1B/96 [Pin. 1/2010] (Diisi oleh pemohon 1 salinan);
- iii. *JICA Application Form* (Diisi oleh pemohon 2 salinan);
- iv. Borang Perakuan Ketua Jabatan;
- v. Carta Organisasi Unit/Bahagian/Jabatan (2 salinan);
- vi. *Annex (Job Report* 2 salinan);

- vii. Salinan Ijazah dan transkrip (2 salinan);
- viii. Salinan Pasport (2 salinan); dan
- ix. Salinan Senarai Tugas.

5. **Hanya permohonan lengkap akan diproses.** Borang permohonan yang lengkap perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **19 Julai 2017 (Rabu) jam 5.00 petang** kepada:

5.1 **Bagi Pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG)**

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan,
Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 4, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

u.p : Puan Paridah binti Ali

Tel: 03-8884 7947, Faks: 03-8884 7925

E-mel: paridah.ali@moe.gov.my

Encik Danial Abdillah bin Suhaimi

Tel: 03-8884 7943, Faks: 03-8884 7925

E-mel: daniel.suhaimi@moe.gov.my

5.2 **Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)**

Sektor Dasar Keguruan,
Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 3, Blok E13, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

u.p : Puan Siti Mariam binti Sulaiman

Tel: 03-8884 1067, Faks: 03-8884 1222

E-mel: mariam.sulaiman@moe.gov.my

u.p.: Encik Ahmad Sabri bin Abdullah

Tel: 03-8884 1060, Faks: 03-8884 1222

E-mel: ahmad.sabri@moe.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Urus Setia

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan

Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

